

UNIT PEMULIHAN CARAKERJA

Pengenalan

Unit Pemulihan Carakerja adalah salah satu unit dibawah Jabatan Rehabilitasi di Hospital Sultanah Nur Zahirah. Lokasi kedudukannya ialah di tingkat bawah Bangunan Utama berhadapan dengan Unit Fisioterapi. Ia diketuai oleh seorang Pegawai Pemulihan Perubatan Carakerja Gred U44 dan dianggotai oleh tiga orang pegawai dari kumpulan Pengurusan dan Profesional, yang terdiri daripada seorang Gred U44 dan dua orang Gred U41. Manakala Kumpulan Sokongan I dianggotai oleh seorang Gred U40, seorang Gred U38, seorang Gred U36, tiga orang Gred U32 dan tiga belas orang Gred U29. Unit ini juga dibantu oleh tiga orang Gred U11 dari Kumpulan Sokongan II.

Objektif

Memberi rawatan pemulihan kepada pesakit bagi meningkatkan kemahiran yang diperlukan untuk menjalani kehidupan secara berdikari seboleh mungkin. Ini termasuklah keupayaan untuk menjaga diri sendiri serta keluarga, bekerja dan melibatkan diri dalam aktiviti riadah.

Carta Organisasi

Seperti dilampiran

Perkhidmatan yang disediakan

- *Activities of daily living assessment and training*
- *Motor and functional assessment and training*
- *Cognitive and perceptual assessment and training*
- *Pre-school assessment and training*
- *Driving assessment and training*
- *Work Rehabilitation*
- *Sensory assessment and training*
- *Psychosocial Rehabilitation*
- *Developmental assessment and training*
- *Social skills assessment and training*
- *Home/workplace/school assessment*
- *Splinting and orthosis*
- *Behavioral management*
- *Aids and adaptation*
- *Scar management (Compression therapy)*
- *Creative therapy*
- *Relaxation therapy*
- *Low Vision Rehabilitation*
- *Palliative Care*

Jadual Perkhidmatan Klinik

Unit Pemulihan Carakerja memberi perkhidmatan dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Ahad hingga Rabu dan dari jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang pada hari Khamis. Unit ini tidak beroperasi pada hari Jumaat, Sabtu dan kelepasan am.

SOP Unit

Perkhidmatan Pemulihan Cara Kerja KKM bersama Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu telah mengeluarkan beberapa SOP cetakan Disember 2013 dan sedang diguna pakai sehingga sekarang. Antara SOP yang dikeluarkan adalah :-

- SOP Strok
- SOP Cerebral Palsy
- SOP Kecederaan Tangan dan Anggota Atas
- SOP Psikiatri dan Kesihatan Mental
- SOP Kardiak
- SOP Pengurusan Operasi

FAQ

Adakah unit ini sama dengan unit Fisioterapi?

Jawapannya adalah TIDAK. Walaupun kedua-dua unit ini memberi perkhidmatan rawatan pemulihan, tetapi pendekatan dan modaliti rawatan adalah berbeza.

Aktiviti Unit (aktiviti semasa)

1. Bengkel Kerja "*Cognitive Stimulation Therapy For Geriatrics*" Peringkat Negeri Terengganu telah diadakan pada 26 & 27 hb. Jun 2023 di HSNZ. Ia dianjurkan oleh Unit Pemulihan Cara Kerja Hospital Sultanah Nur Zahirah.
2. Pertandingan Bowling Antara Terapis Cara Kerja di Negeri Terengganu sempena sambutan Hari Terapi Cara Kerja Sedunia Peringkat Negeri Terengganu. Pertandingan diadakan pada 19 hb. Oktober 2023 di Coral Crown Bowl. Pertandingan ini dianjurkan oleh Unit Pemulihan Cara Kerja, HSNZ.
3. Sambutan Hari Terapi Cara Kerja peringkat Hospital Sultanah Nur Zahirah diadakan pada 22 hingga 25 hb. Oktober 2023 di Anjung Budi HSNZ. Sambutan telah dirasmikan pada 22 hb. Oktober 2023 oleh Timbalan Pengarah Perubatan, bagi mewakili Pengarah HSNZ. Sepanjang tempoh sambutan ini berlangsung, perkhidmatan Pemulihan Cara Kerja HSNZ bersama Persatuan-persatuan OKU di Negeri telah mengadakan *booth* pameran dan interaktif untuk staff HSNZ, pesakit-pesakit dan juga pengunjung.

4. Mengambil bahagian dalam sambutan Hari Stroke Sedunia Peringkat Negeri Terengganu pada 4 hb. November 2023 di Mydin Mall Kuala Terengganu, anjuran Hospital Sultanah Nur Zahirah.

Galeri (gambar fasiliti dan aktiviti unit)

1. Bengkel Kerja *Cognitive Stimulation Therapy for Geriatrics* Peringkat Negeri



2. Pertandingan Bowling Antara Terapis Cara Kerja di Negeri Terengganu sempena Sambutan Hari Terapi Cara Kerja Sedunia Peringkat Negeri Terengganu



3. Sambutan Hari Terapi Cara Kerja Sedunia Tahun 2023 Peringkat Hospital Sultanah Nur Zahirah



4. Sambutan Hari Stroke Sedunia Peringkat Negeri



LAMPIRAN

